

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	13 SEPTEMBER 2016

Pemimpin negara lahirkan rasa bangga dengan kejayaan skuad negara bawa pulang tiga emas

Abdul Latif Romly, anda luar biasa!

UM - 13/9/2016

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA
mohdasron.mustapha@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 12 SEPT.


SEJARAH yang tercipta di Rio de Janeiro dengan empat rekod dunia berserta satu rekod Paralimpik oleh Muhammad Ziyad Zolkefli, Abdul Latif Romly dan Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi menarik segenap rakyat termasuk pemimpin negara untuk memahatkan ucapan tahniah.

Bangga dengan kejayaan skuad Paralimpik negara membawa pulang tiga emas, Perdana Menteri, **Datuk Seri Najib Tun Razak** meluahkan kekaguman beliau terutamanya selepas melihat bagaimana Abdul Latif memecahkan tiga rekod dunia bagi acara lompat jauh kategori T20 dalam satu malam.

"Cipta tiga rekod dunia dalam satu malam, pecahkan rekod sendiri. Abdul Latif Romly, anda luar biasa! Tahniah. Emas ketiga Malaysia di temasya Paralimpik Rio 2016," kata Najib menerusi laman Twitter sebaik sahaja atlet berusia 19 tahun itu mencatatkan lompatan sejauh 7.60 meter.

Pingat emas pertama negara diperoleh menerusi pelari pecut, Mohamad Ridzuan, dalam acara 100 meter T36, diikuti pula pingat emas kedua yang disumbangkan Muhammad Ziyad menerusi acara lontar peluru, sebelum Abdul Latif melengkap hari bersejarah Malaysia dalam tempoh kurang 24 jam.

Terdahulu Perdana Menteri mengucapkan tahniah kepada Mohamad Ridzuan dan Muhammad Ziyad yang lebih awal melancarkan kegemilangan buat skuad



NAJIB TUN RAZAK



AHMAD ZAHID HAMIDI



KHAIRY JAMALUDDIN

negara sehingga menyaksikan nyanyian lagu *Negaraku* berku-mandang buat pertama kalinya dalam sejarah penyertaan Malaysia di temasya Paralimpik.

"Hari bersejarah untuk Malaysia, *Negaraku* berkumandang buat pertama kali di #Rio2016. Kita bawa pulang bukan satu tapi dua emas! #Paralympics. Syabas Ridzuan dan Ziyad yang turut mencatatkan rekod dunia. Seluruh negara berbangga dengan pencapaian anda," katanya.

Sama seperti Perdana Menteri, pemimpin nombor dua negara, **Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi** juga dilihat begitu teruja dengan kejayaan emas 'hatrik' yang diraih skuad Paralimpik dalam tempoh sehari dan beliau berkongsi rasa tersebut dengan orang ramai menerusi akaun Twitter miliknya.

"Kejayaan hatrik emas dan cipta rekod dunia dalam sehari di #Paralympics #Rio2016. Tahniah Abdul Latif Romly dan atlet-atlet Malaysia," kata Timbalan Perdana Menteri yang sebelum itu memuji pencapaian gemilang Mohamad Ridzuan




ABDUL LATIF ROMLY (tengah) menunjukkan pingat emas yang dimenangi setelah memecahkan rekod dunia dalam acara lompat jauh kategori T20 di Rio de Janeiro, Brazil, kelmarin. - IHSAN MSN


dan Muhammad Ziyad.

Sementara itu, Menteri Belia dan Sukan, **Khairy Jamaluddin** pula berkata, Abdul Latif adalah seorang legenda kerana keupayaannya memecahkan rekod dunia sebanyak tiga kali dan kebolehan tersebut tegas beliau hanya mampu dilakukan oleh sebilangan kecil manusia luar biasa.

"Emas ketiga untuk Malaysia! Berjaya pecahkan rekod dunia tiga kali. Ya, tiga. Tak payah tulis apa lagi dah. Latif Romly, anda adalah legenda! Sangat luar biasa, manusia luar biasa!" kata Khairy menerusi laman Facebook miliknya.



MOHAMAD RIDZUAN MOHAMAD PUZI



MUHAMMAD ZIYAD ZOLKEFLI